

25 APR 2001

Mahathir-lawat

JADUAL KETAT DR MAHATHIR DI UAE

Oleh: Harlina Samson

DUBAI, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai jadual ketat dalam lawatan kerja dua harinya ke Emiriyah Arab Bersatu bermula esok.

Perdana Menteri dijadual tiba pada 11 pagi dan akan mengunjungi rakan sejawatannya Sheikh Maktoum Rashid Al-Maktoum yang juga naib presiden UAE dan pemerintah Dubai.

Duta Malaysia ke UAE Datuk Syed Hussein Alhabshee berkata Dr Mahathir kemudian akan menyampaikan ucapan kepada tokoh-tokoh korporat dan perniagaan pada persidangan mengenai peranan negara-negara Islam dalam menghadapi cabaran di abad ke-21 anjuran Emirates International Forum.

Ini merupakan kali kedua selepas 1998 beliau dijemput berucap pada persidangan tahunan itu.

Emirates International Forum dibentuk pada 1993 dan dipengerusikan oleh Putera Mahkota Dubai dan Menteri Pertahanan UAE Sheikh Muhammad Rashid Al-Maktoum.

Syed Hussein memberitahu wartawan Malaysia yang membuat liputan Perdana Menteri itu bahawa Dr Mahathir akan melawat Dubai Internet City, Emirates Hills dan Dubai Marina serta menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman antara Dubai Internet City dan Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia, dan satu lagi, antara Dubai International Airport, Dubai Internet City dan AirportXchange, sebuah syarikat Malaysia yang membangunkan sistem pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

Perdana Menteri dijadual menghadiri jamuan malam bersama masyarakat Malaysia di sini yang dianjurkan oleh Kelab Malaysia UAE.

Terdapat 200 ahli professional dan perniagaan yang bekerja di UAE iaitu di Abu Dhabi, Dubai dan Sharjah.

Syed Hussein berkata bahawa pada hari kedua lawatannya, Dr Mahathir akan menunaikan solat Jumaat di Masjid Jumeirah dan menghadiri jamuan tengah hari anjuran Sheikh Mohammed.

Pada petangnya, beliau akan mengunjungi Burj Al-Arab, sebuah hotel terkenal di Dubai. Perdana Menteri dijadual berlepas pulang pada 11 malam dan tiba di Kuala Lumpur pada pagi Sabtu.

UAE merupakan persekutuan tujuh emiriyah terdiri Abu Dhabi, Dubai, Sharjah, Ajman, Umm Al-Quwain, Ras Al-Khaimah dan Fujairah. Ia mempunyai 2.94 juta penduduk.

UAE merupakan rakan dagangan tersebar Malaysia di Asia Barat dengan imbalan dagangan yang berjumlah RM3.8 bilion memihak kepada Malaysia.

-- BERNAMA

HS ES MAI